



**TEKS UCAPAN PERASMIAN  
YANG BERBAHAGIA DATUK MOHD ALI MANSOR**

**SEMPENA MAJLIS PENGANUGERAHAN  
SIJIL EKSEKUTIF PENGURUSAN KOPERASI (SEPKo)  
&  
SIJIL EKSEKUTIF SETIAUSAHA KOPERASI (SESKo)  
INSTITUT KOPERASI MALAYSIA**

**7 MAC 2023 (SELASA)  
CROWN HALL LEVEL 1  
HOTEL CRYSTAL CROWN  
PETALING JAYA**

**2.30 PETANG**

**BISMILLAHIRAHMANIRAHIM**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

**SALUTASI :**

- i. Yang Berbahagia  
Pengarah  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Wilayah Persekutuan
- ii. Yang Berbahagia Datuk Seri Dr.  
Presiden  
Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA)
- iii. Yang Berusaha Dr.  
Bank Rakyat
- iv. Yang Berusaha  
Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pembangunan Koperasi, Penjaja dan Peniaga Kecil
- v. Yang Berusaha Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus  
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan)  
Institut Koperasi Malaysia (IKMa)
- vi. Yang Berusaha Puan Hamidah Mohd Jos  
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)  
Institut Koperasi Malaysia (IKMa)

- vii. Yang Dihormati Puan Najmah binti Nawawi  
Pengarah Kanan, Bahagian Pembangunan dan Perundingan  
Koperasi (IKMa).
  
- viii. Tuan-tuan dan puan-puan yang diraikan, tenaga pengajar dan  
hadirin yang dikasihi sekalian.

## PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu saya ingin merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia dan izinNya maka kita dapat bersama-sama dalam majlis yang sangat bermakna kepada yang diraikan pada petang ini. Semoga kehadiran kita ini mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T.
2. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada **Datuk Seri, Datuk, Dr.**, tuan-tuan dan puan-puan atas kesudian meluangkan masa untuk hadir ke Majlis Penganugerahan Sijil Eksekutif Pengurusan Koperasi dan Sijil Eksekutif Setiausaha Koperasi yang juling kali diadakan. Saya difahamkan seramai 38 orang peserta akan diraikan pada petang ini yang akan menerima sijil masing-masing. Turut sama dalam majlis ini pensyarah - pensyarah yang mewakili 46 orang pensyarah dalam dan luar IKMa bagi memeriahkan lagi majlis ini. Tahniah diucapkan kepada semua penerima sijil.

Tuan/Puan yang diraikan dan hadirin sekalian,

3. Untuk makluman, IKMa sebagai sebuah institusi latihan koperasi terulung turut menawarkan sijil eksekutif kepada gerakan koperasi. Penawaran program sijil ini juga berdasarkan tujahan ke tiga Pelan Transformasi Koperasi 2021-2025 (TransKoM) yang menekankan kepada aspek pengukuhan bakat dan pembangunan modal insan bagi mewujudkan modal insan berpengetahuan, berinovasi, berintegriti dan berdaya maju. Sehubungan itu, program sijil ini berupaya untuk

meningkatkan kompetensi dan melahirkan tenaga profesional dalam koperasi. Secara tidak langsung, pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh oleh peserta berupaya menjadi pemangkin kepada prestasi dan tata kelola koperasi yang lebih baik dan berintegriti.

4. Tata kelola atau tadbir urus yang baik amat diperlukan bagi memastikan gerakan koperasi di Malaysia terus mampan dan berdaya saing. Pengurusan tata kelola yang cekap akan dapat membantu peningkatan prestasi koperasi dari semasa ke semasa secara berterusan dalam memastikan perolehan koperasi yang tinggi. Maka, pemantapan fungsi modal insan haruslah dititikberatkan terutamanya pengagihan kuasa dan tanggungjawab antara ALK dan Pengurus Koperasi, yang merupakan tahap tertinggi pengurusan dalam sesebuah koperasi.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Perkembangan gerakan koperasi di Malaysia sehingga 31 Disember 2022 menunjukkan peningkatan bilangan koperasi kepada 15,315 buah dengan bilangan keanggotaan sebanyak 7.05 juta. Manakala modal syer/yuran adalah sebanyak 16.99 bilion diikuti dengan jumlah aset sebanyak RM159.90 bilion dan jumlah perolehan koperasi sebanyak RM38.49 bilion.
6. Sehubungan itu, dengan adanya peningkatan bilangan koperasi, anggota, modal syer/yuran dan perolehan koperasi yang berkembang secara positif, koperasi sewajarnya diurus dengan tata kelola yang lebih profesional dan berintegriti. Ini bagi memastikan koperasi dapat

menjaga keperluan dan kebajikan anggota dengan lebih efektif dari aspek pengurusan perniagaan, kewangan dan perancangan strategik.

Tuan/puan yang diraikan dan hadirin sekalian,

7. Di kesempatan ini, saya juga ingin memaklumkan bahawa dari semasa ke semasa, IKMa sentiasa berusaha memperkasakan modul latihannya mengikut keperluan kumpulan sasaran termasuk memperkenalkan program berbentuk sijil eksekutif ini.
8. Bagi menggalakkan penyertaan sijil eksekutif ini, IKMa berusaha memenuhi kekangan koperasi untuk memudahkan kakitangannya menghadiri program ini dengan melaksanakan latihan sijil secara dalam talian dan bersemuka (mengikut keperluan topik). IKMa menyediakan prasarana pembelajaran yang mudah dan menarik yang menggabungkan pembelajaran secara teks, audio, video dan multimedia. Ini bagi memastikan pembelajaran dapat diikuti peserta program walaupun peserta sibuk dengan tugas di koperasi dan kerja hakiki kerana mereka dapat mengulang semula pembelajaran lepas yang telah dirakam. Ciri ini merupakan salah satu kelebihan dan daya tarikan kepada peserta untuk terus mengikuti program sijil ini.

Hadirin sekalian,

9. Pembelajaran sepanjang hayat merupakan penawaran pembelajaran di IKMa. Semua modal insan koperasi digalakkan mengikuti latihan secara berterusan di IKMa untuk meningkatkan kompetensi mereka dalam mengurus koperasi secara lebih profesional. Bagi memberi nilai secara akademik, IKMa dengan sokongan penuh daripada

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), telah menubuhkan Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM) bagi menggalakkan lagi koperator-koperator, anak-anak koperator serta tenaga kerja koperasi untuk meningkatkan lagi kompetensi diri melalui peningkatan ilmu dalam program-program yang ditawarkan termasuk Diploma, Ijazah, Sarjana dan Doktor Falsafah (PHD).

10. Melalui tawaran program-program ini, saya percaya UKKM mampu menyuntik modal insan yang baru di dalam sektor koperasi di Malaysia serta mampu meningkatkan lagi sumbangan koperasi dalam ekonomi negara.

Yang diraikan dan hadirin sekalian,

11. Pada Majlis Penganugerahan ini, seramai 13 orang akan menerima Sijil Eksekutif Pengurusan Koperasi dan 25 orang penerima Sijil Eksekutif Setiausaha Koperasi mewakili 29 buah koperasi dari seluruh negara (termasuk Sabah dan Sarawak). Koperasi yang menyertai program ini terdiri daripada 8 koperasi kluster besar dan 5 koperasi kluster sederhana manakala selebihnya adalah koperasi berkluster kecil dan mikro.
12. Terima kasih dan syabas diucapkan kepada 58% peserta yang terdiri daripada pengurusan tertinggi koperasi dan 42% pula daripada bahagian pengurusan koperasi. IKMa berharap lebih ramai lagi Pengurusan tertinggi dan pengurusan koperasi akan menyertai program ini pada masa-masa akan datang.

13. Diharapkan dalam tempoh 6 bulan , pelbagai ilmu dan pengalaman yang dikongsikan bersama tenaga pengajar dan penceramah jemputan dapat menambah ilmu tuan/puan berkaitan ilmu kebitaraan koperasi. Ilmu pengetahuan yang anda miliki adalah satu amanah dalam menambah nilai ilmu sedia ada dalam membangun serta menyejahterakan koperasi pada tahap yang lebih baik.
  
14. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada semua penerima Sijil Eksekutif Pengurusan Koperasi dan Sijil Eksekutif Setiausaha Koperasi bagi tahun 2022. Saya berharap agar peserta-peserta yang diraikan hari ini mengekalkan rentak kecemerlangan dan komitmen yang telah ditunjukkan selama ini kepada koperasi atau organisasi masing-masing.
  
15. Dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim, saya dengan ini “Merasmikan Majlis Penganugerahan Sijil Eksekutif Pengurusan Koperasi dan Sijil Eksekutif Setiausaha Koperasi bagi tahun 2022”.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal-hidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



